

09/02/1998

Pertemuan PM, ketua negara Asean berhasil

KEPALA BATAS, Ahad - Pertemuan di antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin negara Asean ternyata berhasil dan membuktikan kesediaan negara terbabit bermuafakat serta bekerjasama ke arah menangani kegawatan ekonomi serantau.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pertemuan itu sebenarnya satu langkah ke arah melaksanakan segala cadangan atau rumusan yang telah dipersetujui oleh ketua negara Asean pada sidang kemuncak yang berlangsung di Kuala Lumpur tahun lalu.

"Pada persidangan itu, pemimpin negara Asean sudah bersetuju meningkatkan perdagangan sesama sendiri di samping mengurangkan pergantungan terhadap mata wang asing, khususnya dolar Amerika yang terlalu tinggi nilainya.

"Lawatan Perdana Menteri ke negara terbabit hanya sebagai satu langkah susulan ke arah merealisasikan segala keputusan yang dibuat sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno bahagian Kepala Batas di sini, hari ini.

Bagaimanapun, beliau berharap kerjasama yang terjalin itu akan berterusan dan bukan hanya disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang melanda negara di rantau ini sekarang.

"Kesediaan negara Asean untuk bermuafakat dan sama-sama berusaha ke arah memulihkan keadaan ekonomi serantau ternyata satu perkembangan positif dan besar faedahnya, baik dari segi hubungan sesama sendiri atau pun dengan negara luar seperti Eropah yang mempunyai hubungan rapat dengan kita.

"Ini boleh dikatakan satu kesan baik yang muncul daripada kegawatan ekonomi yang kita sama-sama alami," katanya.

Beliau meminta semua lapisan rakyat Malaysia supaya terus berdiri teguh di belakang kerajaan dan sama-sama berusaha untuk memulihkan keadaan ekonomi negara.

"Rakyat negara ini patut berbangga bahawa usaha kerajaan untuk menangani kegawatan ekonomi yang melanda negara kini dipandang baik dan diakui oleh pemimpin di peringkat antarabangsa.

"Pandangan serta pengiktirafan yang besar maknanya ini sepatutnya sudah cukup untuk mengembali serta mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap kemampuan negara untuk menghadapi apa juga cabaran," katanya.

(END)